



## SIARAN MEDIA

### OPERASI PEMANTAUAN TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH HARAM 2 INDIVIDU DIKENAKAN KOMPAUN BUANG SAMPAH DI TEMPAT TIDAK SEPATUTNYA

Hasil pemantauan melalui kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di beberapa kawasan *hotspot*, MPS telah mengenakan kompaun ke atas dua individu yang didapati membuang sampah secara haram di Pasar Taman Sri Gombak pada 15 Jun 2021. Kompaun yang dikenakan sebanyak RM1,000 ini adalah di bawah Seksyen 5, Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (MPS) 2007. Notis kompaun ini telah dihantar ke kediaman pesalah melalui semakan nombor pendaftaran kenderaan di Aplikasi i-Sikap.

Untuk makluman, tindakan tidak bertanggungjawab individu-individu yang membuang sampah di tempat pembuangan sampah yang dikhaskan untuk peniaga di Pasar Taman Sri Gombak ini telah menyebabkan limpahan sampah yang banyak selain mengakibatkan kesulitan dan kacau ganggu kepada peniaga di kawasan tersebut.

MPS sekali lagi ingin mengingatkan kepada masyarakat untuk membuang sampah domestik di tong sampah kediaman mereka selain peka terhadap jadual kutipan sampah di kawasan kediaman masing-masing. MPS akan terus giat menjalankan pemantauan terutama di kawasan *hotspot* bagi mengelakkan kejadian seperti ini terus berulang dan tindakan akan dikenakan kepada mereka yang membuat kesalahan.

Untuk maklumat lanjut berkaitan jkutipan sisa pepejal, orang ramai boleh melayari <https://www.mps.gov.my/ms/perkhidmatan-pembersihan> atau menghubungi pihak KDEB Waste Management di 03 – 6128 3364.

**#TAMAT#**

Dikeluarkan Oleh:  
**Mohamad Zin Bin Masoad A.M.S.**  
Pegarah  
Jabatan Korporat

B.P  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

16 Jun 2021